



5 | Kutipan Fi Pendaftaran Pengguna Data

- Pesuruhjaya Perlindungan
Data Peribadi**

KUTIPAN FI PENDAFTARAN PENGGUNA DATA

Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi
Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Kutipan Fi Pendaftaran Pengguna Data yang dilaksanakan oleh Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi (PPDP). PPDP bertanggungjawab untuk mengawal selia pemprosesan transaksi komersial data peribadi oleh organisasi pengguna data dan melindungi subjek data dari sebarang penyalahgunaan data peribadi.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Menentukan sama ada kutipan fi pendaftaran pengguna data telah dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa serta telah diakaunkan dengan teratur.

Apa yang ditemui Audit?

- Penemuan Audit adalah seperti berikut:
 - fi perakuan pendaftaran tidak dikutip berjumlah RM8.66 juta;
 - fi pembaharuan perakuan pendaftaran tidak dikutip berjumlah RM300,400; dan
 - kompaun tidak dikenakan kepada 45,458 pengguna data yang tidak membuat perakuan pendaftaran dan 1,430 pengguna data yang tidak membuat pembaharuan perakuan pendaftaran. Jumlah kompaun yang boleh dikenakan adalah RM468.88 juta.

Apa yang disyorkan Audit?

- Pihak Audit mengesyorkan perkara seperti berikut:
 - mengadakan sesi libat urus secara berkala dengan badan kawal selia bagi meningkatkan bilangan pengguna data yang berdaftar dengan PPDP dan menjelaskan fi berdasarkan perintah yang berkuat kuasa;

- menguatkuasakan peruntukan undang-undang untuk mengenakan kompaun terhadap pengguna data yang tidak membuat perakuan pendaftaran atau membuat pembaharuan perakuan pendaftaran; dan
- mengkaji semula Jadual Kadar Prosedur Operasi Standard 2017, Pengkompaunan Kesalahan-kesalahan di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 [*Akta 709*] agar bersesuaian dengan julat siling kompaun mengikut jenis perniagaan.

5. KUTIPAN FI PENDAFTARAN PENGGUNA DATA

Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia

1. LATAR BELAKANG

1.1. Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (APDP) [*Akta 709*] merupakan salah satu bentuk perundangan siber yang diperakukan bagi menjamin keselamatan maklumat serta kebolehpercayaan dan keutuhan rangkaian. Akta 709 bertujuan mengawal selia pemprosesan data peribadi dalam transaksi komersial oleh pengguna data dan melindungi kepentingan subjek data (individu). Akta ini telah diwartakan pada 10 Jun 2010 dan mula dikuatkuasakan pada 15 November 2013.

1.2. Seksyen 47 Akta 709 memperuntukkan Menteri hendaklah melantik seorang Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi (PPDP) bagi menjalankan fungsi dan kuasa di bawah Akta 709 melalui pewartaan. PPDP bertanggungjawab untuk mengawal selia pemprosesan transaksi komersial data peribadi oleh organisasi pengguna data dan melindungi kepentingan individu (subjek data) daripada sebarang penyalahgunaan data peribadi. Selain itu, PPDP juga bertanggungjawab memastikan semua pengguna data mematuhi undang-undang perlindungan data peribadi serta melaksanakan tindakan penguatkuasaan.

1.3. Perintah Perlindungan Data Peribadi (Golongan Pengguna Data) 2013 [P.U. (A) 336] dan 2016 [P.U. (A) 326] menetapkan 13 golongan pengguna data yang berdaftar dengan badan kawal selia hendaklah mendaftar di bawah Akta 709. Golongan pengguna data yang terlibat adalah komunikasi, perbankan dan institusi kewangan, insurans, kesihatan, pelancongan dan hospitaliti, pengangkutan, pendidikan, jualan langsung, perkhidmatan, hartanah, utiliti, pajak gadai dan pemberi pinjam wang. Pendaftaran dengan PPDP membenarkan pengguna data memproses data peribadi individu seperti nama dan alamat, nombor kad pengenalan, nombor telefon, nombor pasport, maklumat kesihatan, alamat e-mel dan sebagainya bagi tujuan komersial.

1.4. Berdasarkan Akta 709, pengguna data ialah individu atau organisasi yang memproses data peribadi, mempunyai kawalan terhadap pemprosesan data peribadi atau membenarkan pemprosesan data peribadi. Seterusnya subseksyen 14(2)(a) Akta 709 menyatakan badan kawal selia adalah merujuk kepada badan yang mewakili golongan pengguna data. Contoh lesen pendaftaran yang dikeluarkan oleh badan kawal selia dan perakuan pendaftaran yang dikeluarkan oleh PPDP adalah seperti dalam **Gambar 1** dan **Gambar 2**.

GAMBAR 1

JADUAL E
AKTA PEMBERI PINJAM WANG 1951
 PERATURAN-PERATURAN PEMBERI PINJAM WANG (KAWALAN DAN PELESENAN) 2003
 [Subperaturan 5(5)]
PEMBAHARUAN LESEN PEMBERI PINJAM WANG

Nama Pemberi Pinjam Wang :
 Alamat Bendaftar :
 dengan ini diberikan pembaharuan lesen pemberi pinjaman wang di bawah seksyen 5E Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 di premis yang dinyatakan di bawah:
 Alamat Perniagaan :
 Tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut :
 1. Semua transaksi memberi pinjaman wang hendaklah dijalankan atas nama Pemberi Pinjam Wang dan di alamat perniagaan di atas.
 2. Lesen tidak boleh dipindahmilik atau membenarkan atau menyebabkan orang lain menggunakan hak lesennya tanpa mendapat kelulusan Pendaftar.
 3. Lesen ini tidak boleh digunakan untuk perniagaan Pajak Gadaai.
 4. Pembaharuan lesen yang diluluskan oleh Pendaftar adalah tidak melepaskan atau mengecualikan pemegang lesen daripada tindakan di bawah Seksyen 5A(1) Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 yang boleh diambil oleh Pendaftar terhadap pemegang lesen untuk tempoh 22/01/2017 hingga 21/01/2019.

Butir-butir lesen yang diperbaharui	
No. Pembaharuan Lesen :	WL4314/10/01-8/210121
Sah dari :	22/01/2019
hingga :	21/01/2021

DATO' SRI HJ. MOHAMMAD BIN MENTEK
 Pendaftar Pemberi Pinjam Wang
 Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
 Pendaftar Pemberi Pinjam Wang
 Tarikh : 10/12/2018

Lesen Pendaftaran oleh Badan Kawal Selia
 (Sumber: Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi)

GAMBAR 2

PESURUHJAYA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

No. Pendaftaran :
 SB09042014-0102/2

PERAKUAN PENDAFTARAN
 Dengan ini diperakui bahawa

Telah didaftarkan menurut Seksyen 15(1) Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709) dan dikeluarkan suatu perakuan pendaftaran menurut Seksyen 16(1)(a) Akta 709 serta tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta 709 dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya dalam golongan:

Kod	Nama Golongan

Tarikh Mula Berkuat Kuasa : 14/11/2020
 Tarikh Tamat Tempoh Perakuan : 13/11/2022

(MAZMALEK MOHAMAD)
 PESURUHJAYA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

Perakuan Pendaftaran oleh PPDP
 (Sumber: Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi)

1.5. Seksyen 61 Akta 709 menetapkan segala hasil dan perbelanjaan di bawah PPDP diakaunkan dalam Kumpulan Wang Perlindungan Data Peribadi (KWDPDP). Hasil PPDP adalah daripada fi pendaftaran pengguna data. Kutipan fi pendaftaran pengguna data bagi tahun 2018 hingga 2020 adalah RM5.61 juta. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 5.1**.

JADUAL 5.1
KUTIPAN FI PENDAFTARAN
PENGUNA DATA BAGI TAHUN 2018 HINGGA 2020

BUTIRAN	KUTIPAN FI			JUMLAH (RM Juta)
	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	
Pendaftaran Pengguna Data	1.70	1.85	2.06	5.61

Sumber: Penyata Kewangan KWDPDP

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menentukan sama ada kutipan fi pendaftaran pengguna data telah dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa serta telah diakaunkan dengan teratur.

3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan ini dijalankan di Pejabat PPDP Putrajaya meliputi kutipan fi pendaftaran pengguna data bagi tahun 2020 berjumlah RM2.06 juta. Pengauditan dilaksanakan dengan menyemak dokumen, rekod dan data PPDP serta lawatan fizikal dan temu bual dengan pihak yang terlibat.

3.2. Pengauditan ini meliputi keseluruhan 5,817 pengguna data dalam Sistem Perlindungan Data Peribadi (SPDP) pada tahun 2020. Pihak Audit juga telah menganalisis 51,275 data yang diperoleh daripada badan kawal selia.

4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dilaksanakan mulai 25 Mac hingga 24 Mei 2021. Maklum balas daripada PPDP telah diterima pada 2 Ogos 2021, 29 Oktober 2021, 15 November 2021 dan 21 Januari 2022. Perkara yang ditemui serta maklum balas telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penutup yang diadakan pada 13 Oktober 2021. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan adalah seperti di perenggan 4.1 hingga 4.3.

4.1. Fi Perakuan Pendaftaran Tidak Dikutip Berjumlah RM8.66 Juta

- a. Subseksyen 15(1) Akta 709 berkaitan permohonan untuk pendaftaran menghendaki seseorang yang berada dalam golongan pengguna data mengemukakan suatu permohonan pendaftaran. Subseksyen 15(2) pula menyatakan tiap-tiap permohonan untuk pendaftaran hendaklah disertai dengan fi pendaftaran yang ditetapkan. Kadar fi yang ditetapkan bagi perakuan pendaftaran adalah seperti dalam **Jadual 5.2**.

JADUAL 5.2
JADUAL KADAR FI
PERAKUAN PENDAFTARAN MENGIKUT JENIS PERNIAGAAN

BIL.	PENUBUHAN PENGGUNA DATA	FI PERAKUAN PENDAFTARAN (RM)
1.	Pemilikan tunggal suatu perniagaan yang berdaftar di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 [Akta 197]	100
2.	Perkongsian sebagaimana yang ditakrifkan dalam Seksyen 3 Akta Perkongsian 1961 [Akta 135]	200
3.	Syarikat sendirian berhad sebagaimana yang ditakrifkan dalam Seksyen 4 Akta Syarikat 1965 [Akta 125]	300
4.	Syarikat awam berhad sebagaimana yang ditakrifkan dalam Seksyen 4 Akta Syarikat 1965 [Akta 125]	400

Sumber: Peraturan-Peraturan Perlindungan Data Peribadi (Pendaftaran Pengguna Data) 2013

- b. Setakat 31 Disember 2020, SPDP merekodkan 5,817 pengguna data berbanding 51,275 pengguna data yang direkodkan oleh badan kawal selia. Semakan Audit mendapati sebanyak 45,458 pengguna data masih belum membuat perakuan pendaftaran dengan PPDP. Berdasarkan kiraan Audit, **fi perakuan pendaftaran yang tidak dikutip adalah RM8.66 juta**. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 5.3**.

JADUAL 5.3
FI PERAKUAN PENDAFTARAN TIDAK DIKUTIP SETAKAT 31 DISEMBER 2020

BIL.	GOLONGAN PENGGUNA DATA	BILANGAN DATA SPDP	BILANGAN DATA BADAN KAWAL SELIA	PERBEZAAN (BIL.)	FI PERAKUAN PENDAFTARAN TIDAK DIKUTIP (RM)
1.	Komunikasi	227	779	552	164,400
2.	Perbankan dan institusi kewangan	61	61	-	-
3.	Insurans	59	60	1	400
4.	Kesihatan	256	1,282	1,026	306,200
5.	Pelancongan dan hospitaliti	396	2,606	2,210	663,100
6.	Pengangkutan	7	7	-	-
7.	Pendidikan	354	2,675	2,321	661,700
8.	Jualan langsung	228	383	155	46,500
9.	Perkhidmatan	2,129	38,439	36,310	6,065,700
10.	Hartanah	657	1,716	1,059	318,300
11.	Utiliti	17	17	-	-
12.	Pajak gadai	497	594	97	25,700
13.	Pemberi pinjam wang	929	2,656	1,727	408,400
JUMLAH		5,817	51,275	45,458	8,660,400

Sumber: Data SPDP dan Badan Kawal Selia

- c. Perkara ini berlaku kerana PPDP **tidak melaksanakan sesi libat urus dengan badan kawal selia** bagi memastikan bilangan sebenar pengguna data dikemas kini dari semasa ke semasa. Oleh itu, kutipan fi pendaftaran tahun 2020 terkurang kutip berjumlah RM8.66 juta.

Maklum balas PPDP yang diterima pada 15 November 2021

Bilangan pengguna data di bawah PPDP adalah berbeza dengan data badan kawal selia kerana bilangan yang direkodkan dalam SPDP hanya merujuk kepada jumlah pengguna data yang telah mendaftar dengan PPDP. Data yang diperolehi oleh pihak Jabatan Audit Negara (JAN) adalah jumlah sebenar pelesen di bawah 13 badan kawal selia yang berdaftar dengan PPDP.

Mesyuarat Penyelarasan Isu Pendaftaran di bawah Akta 709 telah diadakan pada 27 Oktober 2021 yang dihadiri oleh 31 wakil badan kawal selia dan Kementerian

berkaitan. Hasil perbincangan, mesyuarat bersetuju agar badan kawal selia mengemukakan data pelesen kepada PPDP untuk tujuan semakan dan aktiviti pendaftaran pengguna data baharu; penerangan/seminar berkaitan Akta kepada Kementerian/badan kawal selia dan mengadakan sesi libat urus PPDP dan badan kawal selia untuk memperincikan keperluan pendaftaran dan isu-isu berkaitan pendaftaran.

Pernyataan Audit | **PPDP tidak membuat kutipan fi pendaftaran berjumlah RM8.66 juta daripada 45,458 pengguna data. Fi yang tidak dikutip ini merupakan ketirisan kepada hasil Kerajaan.**

4.2. Fi Pembaharuan Perakuan Pendaftaran Tidak Dikutip Berjumlah RM300,400

- a. Subseksyen 17(1) memperuntukkan seseorang pengguna data boleh membuat suatu permohonan bagi pembaharuan perakuan pendaftaran tidak lewat daripada 90 hari sebelum tarikh habis tempoh perakuan pendaftaran itu. Permohonan itu hendaklah disertai dengan fi pembaharuan yang ditetapkan. Kadar fi yang ditetapkan bagi pembaharuan perakuan pendaftaran adalah seperti dalam **Jadual 5.4**.

JADUAL 5.4
JADUAL KADAR FI
PEMBAHARUAN PERAKUAN PENDAFTARAN MENGIKUT JENIS PERNIAGAAN

BIL.	PENUBUHAN PENGGUNA DATA	FI PEMBAHARUAN PERAKUAN PENDAFTARAN (RM)
1.	Pemilikan tunggal suatu perniagaan yang berdaftar di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 [<i>Akta 197</i>]	100
2.	Perkongsian sebagaimana yang ditakrifkan dalam Seksyen 3 Akta Perkongsian 1961 [<i>Akta 135</i>]	200
3.	Syarikat sendirian berhad sebagaimana yang ditakrifkan dalam Seksyen 4 Akta Syarikat 1965 [<i>Akta 125</i>]	300
4.	Syarikat awam berhad sebagaimana yang ditakrifkan dalam Seksyen 4 Akta Syarikat 1965 [<i>Akta 125</i>]	400

Sumber: Peraturan-Peraturan Perlindungan Data Peribadi (Pendaftaran Pengguna Data) 2013

- b. Setakat 31 Disember 2020, daripada 5,817 pengguna data SPDP, 4,387 berstatus aktif manakala 1,430 pengguna data telah tamat tempoh dan tidak memperbaharui perakuan pendaftaran. Semakan Audit mendapati 1,430 pengguna data tersebut masih berdaftar dengan badan kawal selia. Berdasarkan kiraan Audit, **fi pembaharuan perakuan pendaftaran yang tidak dikutip daripada 1,430 pengguna data adalah RM300,400**. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 5.5**.

JADUAL 5.5
FI PEMBAHARUAN PERAKUAN
PENDAFTARAN TIDAK DIKUTIP SETAKAT 31 DISEMBER 2020

BIL.	GOLONGAN PENGGUNA DATA	PENGGUNA DATA TAMAT DAN AKTIF DENGAN BADAN KAWAL SELIA (BIL.)	FI PEMBAHARUAN PERAKUAN PENDAFTARAN TIDAK DIKUTIP (RM)
1.	Komunikasi	36	10,900
2.	Perbankan dan institusi kewangan	2	800
3.	Insurans	4	1,600
4.	Kesihatan	65	19,300
5.	Pelancongan dan hospitaliti	150	44,900
6.	Pengangkutan	3	1,000
7.	Pendidikan	80	22,800
8.	Jualan langsung	55	16,500
9.	Perkhidmatan	737	102,500
10.	Hartanah	176	53,000
11.	Utiliti	2	800
12.	Pajak gadai	31	8,700
13.	Pemberi pinjam wang	89	17,600
JUMLAH		1,430	300,400

Sumber: Data SPDP dan Badan Kawal Selia

- c. Perkara ini berlaku kerana PPDP **tidak menyemak status pengguna data mengikut rekod badan kawal selia**. Oleh itu, kutipan fi pembaharuan perakuan pendaftaran terkurang kutip berjumlah RM300,400.

Maklum balas PPDP yang diterima pada 21 Januari 2022

Sehingga 17 Januari 2022, sebanyak 155 pengguna data telah membuat pembaharuan pendaftaran. Notis peringatan terakhir bagi 1,275 pengguna data yang masih gagal membuat pembaharuan pendaftaran akan dikemukakan bermula pada bulan Februari 2022. Tempoh 60 hari diberikan kepada semua pengguna data untuk mengemukakan maklum balas dan membuat pembaharuan pendaftaran. Selepas tempoh 60 hari berakhir, semakan semula status permohonan pembaharuan pendaftaran akan dilaksanakan. Tindakan penguatkuasaan akan mula dilaksanakan kepada pengguna data yang tidak membuat/melengkapkan sebarang permohonan pembaharuan pendaftaran selepas tamat tempoh 60 hari tersebut.

Pernyataan Audit | **PPDP tidak membuat kutipan fi pembaharuan perakuan pendaftaran berjumlah RM300,400 daripada 1,430 pengguna data. Fi yang tidak dikutip ini merupakan ketirisan kepada pendapatan Kerajaan.**

4.3. Kompaun Terhadap Pengguna Data yang Tidak Membuat Perakuan Pendaftaran dan Pembaharuan Perakuan Pendaftaran

- a. Jadual Pertama Peraturan-Peraturan Perlindungan Data Peribadi (Pengkompaunan Kesalahan) 2016 [P.U.(A) 60/2016] memperincikan kesalahan yang dilakukan di bawah subseksyen 16(4) dan subperaturan 5(2) sebagai kesalahan yang boleh dikompaun. Subseksyen 132(1) Akta 709 juga menetapkan Pesuruhjaya dengan keizinan secara bertulis Pendakwa Raya boleh mengkompaun kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana orang di bawah Akta ini dengan membuat tawaran bertulis. Amaun bagi kompaun yang ditetapkan adalah tidak melebihi lima puluh peratus daripada amaun denda maksimum bagi sesuatu kesalahan.
- b. Prosedur Operasi Standard 2017, Pengkompaunan Kesalahan-kesalahan di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 [*Akta 709*] pula menetapkan kadar kompaun bagi setiap kesalahan mengikut jenis perniagaan melalui Jadual Kadar Penetapan Amaun Kompaun. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 5.6**.

JADUAL 5.6
KADAR KOMPAUN MENGIKUT JENIS PERNIAGAAN

KESALAHAN	KOMPAUN MAKSIMUM (RM)	KOMPAUN MENGIKUT JENIS PERNIAGAAN				
		PERSEORANGAN (RM)	PERKONGSIAN (RM)	SENDIRIAN BERHAD (RM)	BERHAD (RM)	BADAN BERKANUN (RM)
Subseksyen 16(4)	250,000	1,000 - 62,500	2,000 - 62,500	5,000 - 62,500	10,000 - 62,500	10,000 - 62,500
Subperaturan 5(2)	125,000	1,000 - 31,250	2,000 - 31,250	5,000 - 31,250	10,000 - 31,250	10,000 - 31,250

Sumber: Prosedur Operasi Standard 2017, Pengkompaunan Kesalahan-kesalahan di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 [*Akta 709*]

4.3.1. Kompaun Terhadap Pengguna Data yang Tidak Membuat Perakuan Pendaftaran Berjumlah RM454.58 Juta Boleh Dikenakan

- a. Subseksyen 16(4) Akta 709 menyatakan seseorang yang berada dalam golongan pengguna data yang memproses data peribadi tanpa suatu perakuan pendaftaran merupakan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit (RM500,000) atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.
- b. Semakan Audit mendapati kompaun tidak dikenakan terhadap 45,458 pengguna data yang tidak berdaftar dengan PPDP. Berdasarkan maklum balas PPDP

bertarikh 29 Oktober 2021, kadar kompaun bagi kes terdahulu yang pernah diluluskan oleh PPDP adalah RM10,000 bagi setiap kesalahan. Berdasarkan kiraan Audit, **kompaun yang boleh dikenakan oleh PPDP kepada pengguna data yang tidak membuat perakuan pendaftaran adalah berjumlah RM454.58 juta.** Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 5.7**.

JADUAL 5.7
KOMPAUN TERHADAP PENGGUNA DATA
YANG TIDAK BERDAFTAR DENGAN PPDP SETAKAT 31 DISEMBER 2020

BUTIRAN	PENGGUNA DATA BERDASARKAN MAKLUMAT DARIPADA BADAN KAWAL SELIA (BIL.)	BILANGAN DATA SPDP	PERBEZAAN (BIL.)	KOMPAUN (RM)	JUMLAH KOMPAUN (RM)
Pengguna Data	51,275	5,817	45,458	10,000	454,580,000

Sumber: Data SPDP dan Badan Kawal Selia

- c. Perkara ini berlaku disebabkan PPDP tidak mempunyai kuasa untuk mengeluarkan kompaun serta merta di lokasi dan memerlukan keizinan secara bertulis daripada Pendakwa Raya.

Maklum balas PPDP yang diterima pada 15 November 2021

PPDP mengambil maklum mengenai bilangan pengguna data sejumlah 51,275 yang digunakan oleh pihak JAN sebagai rujukan yang mencerminkan jumlah sebenar pelesen berdaftar dengan badan kawal selia di bawah 13 golongan pengguna data yang diwartakan dan wajib mendaftar.

Kadar kompaun ke atas setiap pengguna data dikira berdasarkan kadar kompaun sejumlah RM10,000 bagi kesalahan di bawah subseksyen 16(4) iaitu memproses data peribadi tanpa suatu perakuan pendaftaran yang pernah diluluskan oleh PPDP sebelum ini (precedent case) atas perakuan Pendakwa Raya.

4.3.2. Kompaun Terhadap Pengguna Data yang Tidak Membuat Pembaharuan Perakuan Pendaftaran Berjumlah RM14.30 Juta Boleh Dikenakan

- a. Subseksyen 17(1) Akta 709 menetapkan seseorang pengguna data boleh membuat suatu permohonan bagi pembaharuan perakuan pendaftaran tidak lewat daripada 90 hari sebelum tamat tempoh perakuan pendaftaran.
- b. Subperaturan 5(2) Peraturan-Peraturan Perlindungan Data Peribadi (Pendaftaran Pengguna Data) 2013 menyatakan seseorang pengguna data yang tidak

memperbaharui perakuan pendaftarannya dan terus memproses data peribadi selepas tamat tempoh perakuan pendaftarannya melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit (RM250,000) atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

- c. Semakan Audit terhadap data SPDP sehingga 31 Disember 2020 mendapati SPDP merekodkan sebanyak 1,430 pengguna data berstatus tamat dan tidak membuat pembaharuan perakuan pendaftaran. Bagaimanapun, pengguna data tersebut masih berdaftar dengan badan kawal selia.
- d. Semakan Audit mendapati kompaun tidak dikenakan terhadap 1,430 pengguna data berstatus tamat atau yang tidak membuat pembaharuan perakuan pendaftaran. Berdasarkan maklum balas PPDP bertarikh 29 Oktober 2021, kadar kompaun bagi kes terdahulu yang pernah diluluskan oleh PPDP adalah RM10,000 bagi setiap kesalahan. Berdasarkan kiraan Audit, **kompaun yang boleh dikenakan oleh PPDP kepada pengguna data yang tidak membuat pembaharuan perakuan pendaftaran adalah berjumlah RM14.30 juta.** Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 5.8**.

JADUAL 5.8
KOMPAUN TERHADAP PENGGUNA DATA YANG TIDAK MEMBUAT
PEMBAHARUAN PERAKUAN PENDAFTARAN SETAKAT 31 DISEMBER 2020

BUTIRAN	PENGGUNA DATA YANG TIDAK MEMBUAT PEMBAHARUAN PERAKUAN PENDAFTARAN (BIL.)	KOMPAUN (RM)	JUMLAH KOMPAUN (RM)
Pengguna Data	1,430	10,000	14,300,000

Sumber: Data SPDP dan Badan Kawal Selia

- e. Perkara ini berlaku disebabkan PPDP **tidak menguatkuasakan peruntukan undang-undang** untuk mengenakan kompaun terhadap pengguna data yang tidak membuat pembaharuan perakuan pendaftaran. Berdasarkan maklum balas yang dikemukakan oleh PPDP pada bulan Julai 2021, e-mel peringatan akan dikeluarkan melalui SPDP apabila tamat tempoh perakuan. Bagaimanapun, e-mel tersebut dikeluarkan sekali sahaja.

Maklum balas PPDP yang diterima pada 21 Januari 2022

Jumlah pengguna data yang belum membuat pembaharuan akan disenarai pendek sebelum 31 Disember 2021 untuk tindakan notis peringatan terakhir yang akan mula dilaksanakan pada Februari 2022. Sebanyak 155 telah membuat pembaharuan setelah menerima notis peringatan tersebut.

**Pernyataan
Audit**

PPDP tidak mengenakan kompaun kepada 45,458 pengguna data yang tidak membuat perakuan pendaftaran dan 1,430 pengguna data yang tidak membuat pembaharuan perakuan pendaftaran. Kompaun yang tidak dikenakan ini merupakan kerugian kepada Kerajaan.

5. RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, berdasarkan skop dan sampel Audit, terdapat kelemahan dalam pemantauan terhadap urusan kutipan fi perakuan pendaftaran dan pembaharuan perakuan pendaftaran oleh PPDP menyebabkan kutipan fi pendaftaran berjumlah RM8.96 juta dan kompaun berjumlah RM468.88 juta tidak dikenakan. Perkara ini berlaku disebabkan oleh aktiviti penguatkuasaan dan klausa kompaun yang dinyatakan dalam Akta tidak dikuatkuasakan oleh PPDP sepenuhnya.

6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan tindakan pematuhan kepada peraturan kewangan dipatuhi sepenuhnya, penambahbaikan dan tindakan perlu dilaksanakan terhadap perkara berikut:

- 6.1. mengadakan sesi libat urus secara berkala dengan badan kawal selia bagi meningkatkan bilangan pengguna data yang berdaftar dengan PPDP dan menjelaskan fi berdasarkan perintah yang berkuat kuasa;
- 6.2. menguatkuasakan peruntukan undang-undang untuk mengenakan kompaun terhadap pengguna data yang tidak membuat perakuan pendaftaran atau membuat pembaharuan perakuan pendaftaran; dan
- 6.3. mengkaji semula Jadual Kadar Prosedur Operasi Standard 2017, Pengkompaunan Kesalahan-kesalahan di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 [*Akta 709*] agar bersesuaian dengan julat siling kompaun mengikut jenis perniagaan.